

GARISPANDUAN MENGENAI LITERASI MAKLUMAT UNTUK PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT*

Deraf Terakhir

Oleh

Jesús Lau

Pengerusi, Seksyen Literasi Maklumat / IFLA

jlau@uv.mx / www.jesuslau.com

Universidad Veracruzana / DGB / USBI VER

www.uv.mx/usbi_ver

Boca del Río, Veracruz, México

Dikaji semula Julai 29, 2006

Abstrak

Garis panduan Antarabangsa Mengenai Literasi Maklumat telah disusun oleh *Seksyen Literasi Maklumat* (Information Literacy Section (InfoLit), International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) dengan tujuan menyediakan satu rangka kerja pragmatik bagi para profesional yang memerlukan atau yang berminat memulakan suatu program literasi maklumat. Garis panduan ini akan membantu para profesional maklumat yang terlibat dengan program pendidikan, iaitu, pendidikan asas dan tinggi, dalam usaha mereka untuk memenuhi keperluan maklumat semasa. Walau bagaimanapun, kebanyakan konsep, prinsip dan prosedur boleh digunakan dalam mana-mana persekitaran perpustakaan dengan sedikit penyesuaian. Para profesional maklumat yang bekerja di dalam kesemua jenis perpustakaan harus mempermudah usaha-usaha para pengguna untuk memperoleh kecekapan maklumat sebagai salah satu matlamat utama institusi. Kemahiran maklumat amat penting kepada kejayaan pembelajaran sepanjang hayat, pekerjaan, dan komunikasi *interpersonal* harian mana-mana warganegara, seperti ketika seseorang itu memerlukan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan untuk seseorang dalam penjagaannya, atau seorang pelajar memerlukan maklumat khusus untuk menyiapkan suatu penilaian.

*Sila lihat bahagian penghargaan.

Carol Elliott (USA) telah menyumbang kepada penyuntingan dokumen ini.

Diterjemah ke dalam Bahasa Melayu oleh:

Fuziah M Nadzar

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Malaysia
fuziahmn@salam.uitm.edu.my

dan

Feridah M Nadzar

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat
Uinveristi Teknologi MARA Malaysia
hferidah@salam.uitm.edu.my

Jadual Isi Kandungan

Penghargaan.....	4
Pengenalan.....	6
1. Konsep-Konsep Literasi Maklumat.....	8
2. Literasi Maklumat Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.....	17
3. Piawaian Antarabangsa	23
4. Iltizam Institusi	28
5. Pelan Tindakan	33
6. Pengurusan Pembelajaran/Pengajaran	39
7. Perkembangan Kakitangan	47
8. Teori Pembelajaran	51
9. Penilaian Pembelajaran	58
10. Definisi Konsep-Konsep Asas (Glosari).....	66
11. Bibliografi.....	71
12. Indeks.....	79

Penghargaan

Garis panduan ini telah menerima ulasan dari pihak awam dalam tempoh September, 2004 hingga Mac 2005. Pengarang telah menerima komen-komen, cadangan-cadangan, dan keseluruhan perenggan baru daripada berbagai profesional maklumat serata dunia. Setiap pemikiran yang dihantar telah dinilai menurut objektif garis panduan ini, hanya perkara-perkara yang diluar skop garis panduan tidak dimuatkan atau tidak dapat dimasukkan kerana batasan masa. Terima kasih di atas sumbangan-sumbangan yang telah menjadikan deraf kedua garis panduan ini sebuah dokumen yang lebih menyeluruh. Ia juga satu gambaran lebih jelas tentang keperluan literasi maklumat antarabangsa dalam komuniti perpustakaan. Maklumbalas pertama diterima dari para peserta (melebihi 120) yang telah menghadiri Sesi Perbincangan Terbuka IFLA yang diadakan di Buenos Aires. Set kedua diterima dari mereka yang telah menghubungi saya (melebihi 50) melalui e-mail dengan cadangan-cadangan umum atau pertanyaan-pertanyaan. Kumpulan penambahbaikan ketiga diterima dari mereka yang menyediakan sumbangan-sumbangan yang lebih menyeluruh atau semakan-semakan khusus untuk garis panduan tersebut. Nama-nama mereka dimasukkan, dengan ucapan terima kasih yang istimewa, ke dalam senarai berikut yang disusun menurut anggaran input:

- Jesus Cortes (UACJ/Mexico) menyediakan semakan pertama keseluruhan deraf dokumen
- Forest Woody Horton, Jr. (USA) menyumbang beberapa perenggan baru yang berkaitan dengan literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat
- Thomas Kirk (USA) menyediakan semakan terperinci keseluruhan dokumen
- Sylvie Chevillotte (France) menyemak semula dan menambahbaik Bab 3
- Jawatankuasa Penasihat Mengenai Literasi Maklumat SCONUL (Diketuai oleh Liz Hart (United Kingdom)) menyediakan satu set cadangan yang tidak ternilai untuk kesemua seksyen
- Angela Peragallo dan ahli-ahli Grupo Programa de Educación en Información, Universidad de Antofagasta (Chile) telah menyemak semula sebahagian dokumen dan menyediakan beberapa sumbangan konsep
- Geoff Walton (Great Britain) menyumbang cadangan-cadangan untuk kesemua seksyen
- Berenice Mears (Mexico) menyediakan cadangan menyeluruh bagi dokumen ini

- Viggo Gabriel Borg Pedersen (Norway) mengirim komen-komen mengenai penilaian dan pentaksiran
- Jayme Spencer, Hildy Benham, dan Alison Armstrong (Egypt) menawarkan komen-komen am
- Olle Rimsten (Sweden) menyediakan beberapa komen am mengenai dokumen ini
- Christina Tovoté (Sweden) menawarkan komen-komen am mengenai Bab 4

Pengenalan

Kecekapan maklumat merupakan faktor utama dalam pembelajaran sepanjang hayat. Ianya merupakan langkah pertama dalam pencapaian matlamat pendidikan. Perkembangan kecekapan seperti ini harus berlaku sepanjang kehidupan seorang warganegara itu, terutama semasa tempoh pendidikan mereka, yang mana para pustakawan, sebagai satu bahagian komuniti pembelajaran dan, sebagai pakar dalam pengurusan maklumat, telah atau harus memainkan peranan utama untuk memudahkan literasi maklumat. Bersama-sama dengan para ahli fakulti, melalui penciptaan program-program kurikulum bersepadu, para pustakawan harus aktif menyumbang kepada proses-proses pembelajaran para pelajar dalam pencarian mereka untuk mempertingkatkan atau mengembangkan kemahiran-kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang diperlukan untuk menjadi para pelajar sepanjang hayat.

Garis panduan ini adalah templet konseptual untuk membantu penciptaan program-program literasi maklumat (LM) di perpustakaan-perpustakaan akademik dan sekolah, walaupun kebanyakan prinsip ini boleh juga diterapkan di perpustakaan-perpustakaan awam. Dokumen ini menyediakan maklumat untuk merangkakan usaha-usaha LM oleh para pendidik, pustakawan dan pemudahcara maklumat di peringkat antarabangsa, terutamanya di negara-negara di mana LM masih di tahap kemajuan awal. Ia juga berguna kepada sesiapa yang perlu memulakan satu program LM dan mahukan suatu rangka kerja konseptual am, tanpa mengambil kira lokasi geografi mereka.


Pembiayaan. Pembiayaan permulaan Projek Garis panduan Literasi Antarabangsa telah disediakan oleh IFLA, organisasi induk kepada Seksyen Literasi Maklumat. Pembiayaan pelengkap telah disediakan oleh Universidad Veracruzana, dan daripada pengarang yang bertanggungjawab terhadap projek penyusunan LM. Langkah terakhir menterjemah dan mempromosi garis panduan ini telah disempurnakan dengan biaya murah hati daripada United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Penyusunan. Prinsip-prinsip, prosedur-prosedur, syor-syor, dan konsep-konsep yang tersenarai di dalam dokumen adalah satu penyusunan dari berbagai dokumen antarabangsa yang berkaitan dengan literasi maklumat. Kebanyakan isi kandungannya berdasarkan pengalaman-pengalaman yang telah diterbitkan dan dihasilkan oleh persatuan-persatuan perpustakaan negara, seperti berikut: kerja-kerja ekstensif *Persatuan Perpustakaan Kolej dan Penyelidikan* (Association of College and Research Libraries (ACRL), sumbangan-sumbangan awal dan ternama dari *Persatuan Perpustakaan Sekolah Amerika* (American Association of School Libraries (AASL), kerja-kerja yang dilakukan projek Big Blue, model-model penyelesaian-masalah kemahiran maklumat Big Six yang dijelaskan oleh Eisenberg dan Berkowitz (1997), kesemuanya daripada Amerika Syarikat, sumbangan dari *Persatuan Perpustakaan Kolej, Negara dan Universiti* (Society of College, National and University Libraries (SCONUL) daripada United Kingdom, *Institut Literasi Maklumat Australia dan New Zealand* (Australian and New Zealand

Institute for Information Literacy), dan sumbangan *Forum Literasi Maklumat Mexico* (Mexican Information Literacy Forum).

Penggunaan garis panduan. Garispanduan Literasi Maklumat ini boleh dikaji semula, diubah atau disesuaikan oleh para pustakawan menurut keperluan-keperluan institusi mereka supaya elemen-elemen LM disesuaikan dengan lebih baik kepada keperluan-keperluan setempat atau kebangsaan, yang mempunyai peruntukan, dasar prosedur setempat, dan barangkali juga keutamaan yang berbeza-beza. Keperluan hakcipta untuk mana-mana bahagian dokumen ini adalah dengan hanya memetikanya. Garispanduan ini berguna sebagai satu senarai semak sewaktu perancangan dan pelaksanaan suatu program LM, atau untuk meperkukuhkan kerj-kerja literasi maklumat terdahulu. Para profesional harus sentiasa ingat bahawa mereka perlu berbuat apa sahaja yang boleh dengan sumber-sumber yang dipunyai. Adalah lebih baik melakukan sesuatu daripada menunggu untuk mencipta satu program literasi maklumat yang sempurna.

Susunan garis panduan. Dokumen ini dibahagikan kepada sepuluh bab yang terdiri dari spektrum organisasi kerja literasi maklumat, termasuk satu definisi kosep-konsef, satu cadangan untuk piawaiian literasi maklumat, satu seksyen mengenai mendapatkan iltizam institusi, pengurusan proses pembelajaran, termasuk kemajuan kakitangan, teori-teori pendidikan, di antara topik-topik asas lain tentang bagaimana untuk melaksana program, ditambah satu senarai istilah-istilah utama LM dengan definisi-definisinya, dan satu bibliografi untuk bacaan lanjut. Dalam kebanyakan hal, setiap topik mempunyai pengenalan ringkas, diikuti perenggan bersenarai yang mempunyai titik bertanda dan ringkasan dalam bentuk grafik tentang proses-proses terlibat. Gaya penulisannya mudah dan berskima untuk memudahkan pembacaan.



Bab 1

Konsep-konsep Literasi Maklumat

Adalah penting untuk mengetahui konsep-konsep¹ lain yang berkaitan dengan literasi maklumat untuk mengenalpasti satu arah yang jelas bagi sesebuah program literasi maklumat. Bahagian ini mengandungi definisi ringkas istilah-istilah berkaitan diikuti dengan konsep-konsep utama literasi maklumat².

Apakah maklumat? Maklumat adalah satu sumber yang mempunyai berbagai-bagai definisi menurut format, dan media yang digunakan untuk mepakej atau memindahkannya, serta disiplin yang mendefinisikannya. Case (2002) menyediakan satu definisi yang lebih luas. Di sini istilah ini sinonim dengan:

- Ilmu yang terkandung
- Pengalaman manusia yang dipakej
- Satu sumber yang boleh menyediakan sejumlah data yang tidak terkira banyaknya
- Satu sumber yang mengambil format, pempakejan, media pemindahan yang berbeza-beza, dan berbagai kaedah penghantaran
- Manusia: keluarga, para sahabat, tutor, rakan pelajar
- Institusi, iaitu para profesional perkhidmatan kesihatan kebangsaan atau kemudahan-kemudahan bantuan

Keperluan untuk penggunaan berkesan maklumat. Maklumat telah menjadi satu sumber terpenting bagi ekonmi-ekonomi dunia dan tentu sekali satu komponen asas dalam pendidikan. Maklumat hadala eleven terpenting untuk perubahan teknologi dan saintifik. Ia mengemukakan beberapa cabaran kepada individu dari semua lapisan kehidupan: para pelajar, pekerja, dan semua jenis warganegara . Bebanan maklumat kini memerlukan manusia menyemak dan menaksir maklumat untuk mengesahkan kebolehpercayaannya.

¹ Satu pencarian menggunakan enjin pencarian "Scirus" meminta "LM" dan "konsep" di antara 1994-2005 telah menghasilkan 1,765 jurnal

² Untuk maklumat lanjut, baca: Bawden (2001), dan Owusu-Ansah (2003)

Maklumat dengan sendirinya tidak boleh membuatkan manusia celik maklumat. Maklumat tentunya adalah:

- Satu elemen terpenting untuk kreativiti dan inovasi
- Satu sumber asas untuk pembelajaran dan pemikiran manusia
- Satu sumber utama untuk mewujudkan lebih ramai warganegara berilmu
- Satu faktor yang membolehkan warganegara mencapai keputusan-keputusan yang lebih baik di dalam kehidupan akademik mereka, yang berkaitan dengan kesihatan, dan di tempat kerja
- Suatu sumber penting untuk kemajuan sosio-ekonomi kebangsaan

Apakah literasi? Definisi asas literasi adalah “dalam keadaan yang literasi (celik huruf)” menurut Chambers English Dictionary (2003). Karya rujukan ini, sebaliknya, mendefinisikan literasi sebagai “...berpelajaran; berupaya menulis dan membaca; mempunyai kemahiran di dalam atau dengan” (m.s. 1856). Dalam bahasa pendidikan, “Literasi Asas” bermakna literasi klasik atau tradisional tentang pembelajaran mengenai bagaimana untuk membaca, untuk menulis, dan untuk melakukan perkiraan dan operasi angka; literasi-literasi asas di dalam kesemua masyarakat dipelajari secara formal dalam suasana pendidikan asas dan menengah, terutamanya sekolah-sekolah awam atau persendirian, tetapi kadangkala literasi-literasi asas ini dipelajari di rumah atau di dalam pusat-pusat komuniti.

Konsep “Literasi” lain yang berkaitan dengan literasi maklumat. Literasi maklumat dikaitkan dengan jenis-jenis literasi lain yang berkaitan, tetapi ia harus dibezakan dari yang lain-lain itu, terutamanya dari teknologi maklumat, literasi media, literasi rangkaian, literasi digital, literasi Internet atau rangkaian, “Literasi Komputer” dan “Literasi Media” (Bawden, 2001). Dua jenis literasi yang akhir ini didefinisikan dengan jelas oleh Horton (F. Horton, Jr., komunikasi peribadi, Disember, 2004) dari segi berikut:

- Literasi Komputer. Pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk memahami teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), termasuk perkakasan, perisian, sistem,

rangkaian (kedua-dua rangkaian kawasan setempat dan Internet), dan kesemua komponen lain sistem komputer dan telekomunikasi.

- Literasi Media. Pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk memahami kesemua medium dan format untuk mencipta, menyimpan, menghubungkan, dan mempersembahkan data, maklumat dan pengetahuan, iaitu, akhbar dan jurnal bercetak, majalah, siaran radio, television, kabel, CD-ROM, DVD, telefon bimbit, format teks PDF, dan format JPEG untuk foto dan grafik.

Konsep literasi maklumat. Terdapat beberapa definisi yang diguna oleh persatuan-persatuan dan para pengarang. American Association of School Librarians (AASL) (*Persatuan Pustakawan Sekolah Amerika*), pelopor dalam bidang LM, dan Association for Educational Communications and Technologies (*Persatuan Komunikasi dan Teknologi Pendidikan*) menyatakan bahawa “literasi maklumat adalah – keupayaan mencari dan mengguna maklumat – adalah kunci pembelajaran sepanjang hayat” (Byerly/Brodie, 1999). Terkandung dalam komponen literasi maklumat, AASL menyatakan bahawa: “pelajar yang celik maklumat mengakses maklumat dengan cekap dan berkesan, menilai maklumat secara kritis dan cekap, dan menggunakan maklumat dengan tepat dan kreatif” (Byerly/Brodie, 1999). Para pengguna “seharusnya mempunyai kedua-dua strategi pengumpulan maklumat dan kemahiran berfikiran kritikal untuk memilih, mengenepi, mensintesis, dan mempersembah maklumat dalam cara-cara baru bagi menyelesaikan masalah kehidupan sebenar” (Byerly/Brodie, 1999). Definisi literasi maklumat ini mejangkau kemahiran perpustakaan dan menjangkau penggunaan kemahiran-kemahiran dan strategi-strategi yang berhati-hati kepada keupayaan menggunakan maklumat kompleks dari pelbagai sumber untuk memberi makna atau menyelesaikan masalah (Kulthau, seperti yang dipetik dalam Stripling, 1999).

Definisi yang diguna seecara umum. Usaha-usaha untuk mendefinisi “Literasi Maklumat” telah dilakukan untuk beberapa tahun, kebanyakannya oleh para pustakawan atau professional yang berkaitan dengan sains perpustakaan, dan terdapat lebih banyak persamaan dari perbezaan dalam definisi-definisi ini. (Owusu-Ansah, 2003). Definisi

LM yang paling lazim dipetik dan digunakan adalah satu yang telah diterima pakai oleh American Library Association (ALA) (*Persatuan Perpustakaan Amerika*), 1998: “Untuk menjadi celik maklumat, seseorang itu mesti berupaya mengenalpasti bila maklumat diperlukan dan berkeupayaan mengesan, menilai, dan menggunakan dengan berkesan maklumat yang diperlukan itu. Individu-individu yang celik maklumat adalah mereka yang telah mempelajari bagaimana untuk belajar (m.s. 55-56). Mereka tahu bagaimana untuk belajar kerana mereka tahu bagaimana pengetahuan disusun, tahu bagaimana mencari maklumat, dan tahu bagaimana menggunakan maklumat itu agar orang lain dapat mempelajari daripada mereka (Byerly/Brodie, 1999). “Apa sahaja semantik yang kita gunakan untuk istilah LM ini, definisi ALA dengan sendirinya, adalah cukup luas untuk memuatkan seluruh spectrum kemahiran maklumat; dari pengetahuan tradisional kaum Inuit hingga ke enjin pencarian berteknologi tinggi, dan kemungkinan boleh diaplikasi untuk banyak dekad lagi” (Campbell, 2004).


Kecekapan maklumat. Seorang warganegara yang cekap, sama ada ianya seorang pelajar, seorang profesional, atau seorang pekerja berupaya mengenalpasti keperluan-keperluan maklumatnya, tahu bagaimana untuk mengesan, mengenalpasti akses, mendapat semula, menilai, menyusun dan menggunakan maklumat itu. Untuk menjadi seorang celik maklumat, seseorang itu harus tahu bagaimana mendapat manfaat dari dunia pengetahuan, dan memasukkan pengalaman-pengalaman orang lain ke dalam latar belakangnya. Orang yang celik maklumat berkebolehan, seperti kata-kata Mackenzie, dalam:

- “Menggali:
Keupayaan mengesan maklumat berkaitan, untuk menyaringnya, untuk menyisihnya, dan untuk memilihnya
- Mentafsir:
Keupayaan menterjemahkan data dan maklumat menjadi pengetahuan, wawasan, dan kefahaman
- Mencipta idea-idea baru:
Memajukan wawasan-wawasan baru”

Tindakan-tindakan perpustakaan menyumbang kepada literasi maklumat. Terdapat beberapa istilah yang merupakan sebahagian dari atau menyumbang kepada konsep literasi maklumat (LM). Setiap satu mempunyai kandungan semantikanya selain tambahan ciri-ciri perbezaan seperti jenis kemahiran, tahap, kategori pembelajaran, dan kaedah mempermudah pengajaran. Meliputi banyak konsep berlainan, LM telah berkembang menjangkau program-program yang bertumpukan pengajaran awal perpustakaan dan kemahiran maklumat kepada konsep literasi maklumat kini. Sementara pengajaran perpustakaan menekankan pengesanan bahan-bahan perpustakaan, satu lagi konsep LM bertumpukan strategi maklumat, dan dalam satu konsep lagi, LM digunakan untuk menerangkan tentang proses pencarian maklumat dan kecekapan mengguna maklumat. Sekali lagi, literasi maklumat bertumpukan penggunaan maklumat berbanding kemahiran bibliografik, yakni, para pelajar mesti mengembangkan kecekapan maklumat untuk menjadi para pelajar berkesan. Beberapa istilah berkaitan LM adalah (Lihat Glosari untuk definisi-definisi tambahan) seperti:

- Kelancaran maklumat – Kebolehan atau penguasaan kecekapan maklumat
- Pendidikan pengguna – Pendekatan global dalam mengajar akses maklumat kepada para pengguna
- Pengajaran pengguna – Memberi tumpuan kepada kemahiran maklumat
- Pengajaran bibliografik – Melatih pengguna mengenai pencarian dan dapatan semula maklumat
- Kecekapan maklumat – Gabungan kemahiran dan matlamat literasi maklumat
- Kemahiran maklumat – Memberi tumpuan kepada kebolehan maklumat
- Pengembangan kemahiran maklumat – Proses memudahkan kemahiran maklumat

Rajah 1. Konsep Literasi Maklumat



Pendekatan konstruktivis. Aspek pengesanan dan pengaksesan maklumat dalam kemahiran maklumat tidak sama seperti kecekapan berfikir yang lebih tinggi berkaitan cara-cara untuk menilai, mentafsir dan mengguna maklumat. Kaedah pengajaran pembelajaran sepanjang hayat dan teori-teori pendidikan telah mempengaruhi pengajaran literasi maklumat. Pendekatan konstruktivis bertumpukan para pelajar yang mengguna maklumat untuk penyelesaian sesuatu masalah, dan oleh yang demikian, telah mewujudkan suatu kefahaman baru melalui penyiasatan dan pemikiran yang aktif, bukannya melalui hafalan fakta yang dibentangkan di dalam bilik kuliah. Pendekatan pedagogi seperti ini, yang memerlukan literasi maklumat, membolehkan para pelajar menjadi pelajar yang layak bertauliah. Dari satu segi, literasi maklumat harus berdasarkan pembelajaran-berasaskan-sumber, penemuan maklumat, dan pengajaran-berasaskan-siasatan dan masalah. Isu asasnya ialah untuk cuba menjadi “canggih secara pedagogi” dengan menggunakan sebilangan pendekatan yang sesuai agar hasil pembelajaran yang dihasratkan itu menjadi kenyataan, membolehkan para pelajar membuat penilaian dan secara realistik dapat mengenalpasti sebanyak mungkin gaya dan

pendekatan pembelajaran (Walton, 2004). Pendekatan perbandingan tiga penjurur ini telah disebut oleh Bligh (1998, m.s. 5).

Terjemahan istilah. Terjemahan istilah literasi maklumat dari bahasa Inggeris ke bahasa-bahasa lain adalah sukar, maka para professional maklumat daripada berbagai negara harus mempertimbangkan mana-mana perkataan yang membawa maksud tepat untuk mengelak dari ditolak secara semantik oleh komuniti-komuniti pembelajaran mereka. Dalam bahasa Sepanyol, terjemahan harfiah LM berkaitan dengan konsep umum “Literasi.” Para guru dan fakulti khususnya tidak gemar istilah literasi maklumat kerana korelasinya dengan kemahiran membaca dan menulis yang “agak” asas. Istilah yang paling lazim diterima ialah “Desarrollo de habilidades informative (DHI)”. Pengembangan kemahiran maklumat, satu definisi yang tidak menggunakan kata benda, sebaliknya menekankan proses LM. Satu lagi cabaran semantik yang sama juga berlaku dalam bahasa Perancis, dan pemilihan satu ungkapan lazim sedang dalam proses. Kebanyakan negara memilih terjemahan harfiah untuk perkataan literasi, manakala yang lain memilih untuk mengutamakan “kecekapan.”

Rujukan

American Association of School Librarians and Association for Educational Communications and Technology. (1998). *Information Power: Building Partnerships for Learning*. Chicago: ALA.

Bawden, D. (2001, Mac). *Information and Digital Literacies: A Review of Concepts*. *Journal of Documentation*, No. 57, m.s. 218-259.

Behrens, S.J. (1994, April). *A Conceptual Analysis and Historical Overview of Information Literacy*. *College and Research Libraries*, Vol. 55, No. 4, m.s. 309-322.

Bligh, Donald A. (2000). What’s the Use of Lectures? In *Gibbs, Teaching in Higher Education: Theory and Evidence*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 346 m.s.

Bruce, C. and Candy, P. (Eds.) (2000). *Information Literacy Around the World: Advances in Programs and Research*. Wagga, Wagga, Australia : Centre for Information Studies, Charles Sturt University.

Bruce, C. (1997). *The Seven Faces of Information Literacy: Seven Faces of Information Literacy*. Adelaide : Auslib Press.

Byerly, Greg and Brodie, Carolyn S. (1999). Information literacy skills models: defining the choices. In *Learning and libraries in an information age: principles and practice*. Ed. Barbara K. Stripling, Englewood, Littleton : Libraries Unlimited, m.s. 54-82.

Campbell, S. (2004). *Defining Information Literacy in the 21st century*. IFLA 70th Conference Didapatkan semula September 21, 2004, dari laman web: <http://www.ifla.org/IV/ifla70/papers/059eCampbell.pdf>

Case, D. (2002). *Looking for Information: A Survey of Research on Information Seeking. Needs and Behavior*. New York: Academic Press.

Chambers English Dictionary (2003). Edinburgh: W. and R. Chambers and Cambridge: Cambridge University Press. 1856 m.s.

Dibble, M. (2004, Julai). *Directory of Online Resources for Information Literacy: Definitions of Information Literacy and Related Terms*. Didapatkan semula Julai 27, 2004, dari laman web University of South Florida: <http://www.lib.usf.edu/ref/doril/definitions.html>

Horton, Jr. F. (2004, Disember). *Comments on International Guidelines on Information Literacy*. (E-Mail), Washington, DC. 4 m.s.

Humes, B. (2004, Julai). *Understanding Information Literacy*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web: <http://www.ed.gov/pubs/UnderLit/index.html>

Information Literacy: Definitions and Models. (2004). Didapatkan semula September 21, 2004, dari laman web Information Literacy Place: <http://dis.shef.ac.uk/literacy/definitions.htm>

Kuhlthau, C. (1999). Literacy and Learning for the Information Age. In *Stripling, B., Learning and Libraries in an Information Age. Principles and Practice*. Littleton: Libraries Unlimited. m.s. 59.

McKenzie, Jamie. (1997). *Filling the Tool Box: Classroom Strategies to Engender Student Questioning*. Didapatkan semula November 5, 1998. dari laman web: <http://fromnowon.org/toolbox.html#Class>


Owusu-Ansah, E. (2003). *Information Literacy and the Academic Library: a Critical Look at a Concept and the Controversies Surrounding It*. The Journal of Academic Librarianship, Vol.29, m.s. 219-230.

Peterson, P. L. and Clark, C. M. (1978). *Teachers' reports of their cognitive processes during Teaching*, American Educational Research Journal, Vol. 15, No. 4, m.s. 555-565.

Rader, H. (2002) *Information Literacy 1973-2002: A Selected Literature Review*. Library Trends, Vol.51, No. 1, m.s. 242-259.

Siitonen, L. (2004, Julai). *Information Literacy: Gaps Between Concepts and Applications*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web IFLA: <http://www.ifla.org/IV/ifla62/62-siil.htm>

Walton, G. (November, 2004). *Comments on the draft International guidelines on Information Literacy produced for IFLA*. (E-Mail), Stoke-on-Trent, England, 5 m.s.



Bab 2

Literasi Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Dengan sumbangan dari
Forest Woody Horton, Jr.

Literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat berhubungan secara strategik dan saling memperkuat di antara satu sama lain. Dalam masyarakat maklumat global, ini amat penting bagi kejayaan setiap individu, organisasi, institusi, dan negara. Paling ideal sekali, kedua-dua paradigma moden ini harus dimanfaatkan bersama-sama secara simbiotik dan sinergi, jika manusia mahukan kelangsungan hidup dan berjaya bersaing pada abad ke-21 dan seterusnya.

Hubungkait kedua-dua konsep. Kedua-dua konsep ini:

- Kebanyakannya adalah mendorong-kendiri dan terarah-kendiri. Ia tidak memerlukan seorang individu, sebuah organisasi, atau suatu sistem luar, untuk menjadi orang tengah melebihi individu itu sendiri, walaupun nasihat dan bantuan daripada seorang rakan yang dihormati seperti seorang mentor atau pembimbing, dapat membantu.
- Adalah menurunkan-kuasa-kendiri. Ia bertujuan membantu individu dari setiap kumpulan umur untuk menolong diri mereka sendiri, tanpa mengira status sosial atau ekonomi, peranan, atau tempat di dalam masyarakat, jantina, bangsa, agama atau latar belakang etnik.
- Adalah menjadi-benar-kendiri. Lebih celik maklumat seseorang itu, dan lebih lama beliau mengekalkan pembelajaran literasi maklumat dan mengamalkan tabiat baik tersebut, semakin besar kesedaran-kendiri yang akan berlaku, terutamanya jika diamalkan sepanjang kehidupan.

Secara teorinya, seseorang itu boleh meneruskan matlamatnya untuk menjadi lebih celik maklumat, tetapi bukan sepanjang kehidupannya. Sebaliknya, seseorang itu boleh meneruskan matlamat pembelajaran sepanjang hayat tanpa terlebih dahulu menjadi celik

maklumat. Bila konsep ini diletak berasingan, tiada mana-mana saluran yang dapat memaksimumkan sepenuhnya potensi seseorang individu itu demi “mempelajari untuk belajar.”


Literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat. Literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat yang dimanfaatkan bersama membawa peningkatan besar kepada:

- Set pilihan dan opsyen peribadi yang terbuka dan ditawarkan kepada seseorang individu dalam konteks hal peribadi, keluarga dan kemasyarakatan
- Kualiti dan kebergunaan pendidikan dan latihan di dalam suasana rasmi sekolah sebelum memasuki tenaga kerja, dan kemudiannya dalam suasana vokasional tidak formal atau pada latihan-dalam-kerja
- Peluang mencari dan mendapat pekerjaan yang memuaskan dan memanjat tangga kerja dengan cepat dengan menerima ganjaran sewajarnya, dan membuat keputusan yang bijak dan berkesan dari segi kos mengenai ekonomi dan perniagaan
- Penyertaan berkesan individu tersebut dalam konteks sosial, kebudayaan, dan politik, di kedua-dua peringkat komuniti setempat dan lebih tinggi lagi, dan ketika mengenalpasti dan memahami matlamat dan aspirasi profesional

Literasi maklumat adalah satu “set kemahiran” yang boleh dipelajari. Set kemahiran itu termasuk satu sikap tertentu terhadap pembelajaran itu sendiri; penggunaan alatan, seperti tutorial dalam talian; penggunaan teknik, seperti bekerja dengan kumpulan; dan penggunaan kaedah, seperti pergantungan kepada para mentor; pembimbing; dan ombudman.

Sebagai perbandingan, pembelajaran sepanjang hayat adalah satu tabiat baik yang mesti diperolehi dan diiringi dengan penerimaan satu rangka minda yang positif. Ketersediaan untuk berubah dan satu sifat ingin tahu atau dahagakan pengetahuan adalah pra-syarat yang amat membantu untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Rajah 2. Literasi Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat



Perpustakaan dan pustakawan sebagai rakan dalam sebuah pasukan literasi maklumat/pembelajaran sepanjang hayat. Ini adalah sebuah dokumen IFLA, dan jelas sekali IFLA memberi tumpuan kepada perpustakaan dan para pustakawan. Namun demikian, tugas untuk meletakkan satu program literasi maklumat/pembelajaran sepanjang hayat ditempatnya tidak boleh dilakukan secara eksklusif oleh para pustakawan di perpustakaan. Tugas berat ini tanggungjawab kesemua komuniti pembelajaran: para guru, fakulti, ibu-bapa, pelajar dan masyarakat amnya. Sebuah pasukan harus dibentuk, terdiri dari rakan-rakan yang dikenalpasti boleh bekerja dengan para pustakawan. Sebagai contoh, dalam konteks perpustakaan sekolah, pasukan perkongsian ini boleh memasukkan seorang atau lebih guru, seorang pakar dari luar, seorang kaunselor sekolah dan mungkin yang lain-lain. Dalam konteks perpustakaan awam, campuran pasukan perkongsian ini akan berbeza sedikit.

Perpustakaan dan pustakawan sebagai agen perubahan literasi maklumat. Literasi maklumat penting melewati bidang perpustakaan dan kepustakawanan. Oleh itu para pustakawan boleh menjadi agen perubahan untuk membantu bidang-bidang lain memajukan dan meletakkan dasar, program dan projek literasi maklumat mereka. Dalam konteks ini, pustakawan boleh menjadi sebagai pakar perunding dan tidak harus berasa segan untuk menawarkan perkhidmatan mereka dalam bidang-bidang lain. Sebagai contoh, dalam konteks syarikat persendirian, literasi maklumat/pembelajaran sepanjang hayat itu penting kepada seluruh syarikat, bukan sahaja kepada para pustakawan dan profesional maklumat lain. Para pustakawan harus memainkan peranan perundingan untuk membantu jabatan-jabatan dan unit-unit di dalam syarikat tersebut memajukan program literasi maklumat mereka sendiri. Ini juga sama bagi agensi-agensi kerajaan di semua peringkat.

Besar atau kecil, perpustakaan anda mempunyai peranan literasi maklumat. Tanpa mengira saiz dan sumber-sumbernya, sesebuah perpustakaan itu mempunyai peranan yang penting sebagai sebahagian dari satu program literasi maklumat institusi, jika pun bukan pelopor perubahan LM. Para pustakawan dan pakar maklumat harus menjadi penganjur program dan kegiatan literasi maklumat kerana perpustakaan atau pusat maklumat mereka merupakan:

- Repositori/tempat simpanan pengetahuan
- Simpanan maklumat dalam pelbagai format
- Pusat yang mempunyai para pustakawan yang pakar maklumat
- Jabatan yang mempunyai ruang pembelajaran
- Tempat untuk berinteraksi dengan rakan sebaya dan pasukan pembelajaran
- Ruang untuk sosialisasi pengetahuan
- Tempat yang mempunyai penasihat maklumat/pakar rujukan dan perunding
- Pusat yang mempunyai akses computer, pemerosesan, dan komunikasi pengetahuan
- Gerbang kepada Internet, iaitu satu dunia maklumat

Program dan kurikulum yang disemak semula adalah hanya satu produk berpotensi. Program dan kurikulum Literasi Maklumat/Pembelajaran Sepanjang Hayat yang disemak semula adalah hanya satu produk berpotensi atau hasilan dari inisiatif ini. Sama pentingnya adalah aspek-aspek literasi maklumat/pembelajaran sepanjang hayat seperti:

- Prinsip
- Dasar
- Program
- Projek rintis
- Model
- Bengkel
- Tutorial
- Sesi sumbang-saran
- Teknik, alatan, kaedah

Pendeknya, terdapat satu kumpulan produk dan hasilan yang mungkin terbit dari usaha ini. Pihak pengurusan harus memberikan keutamaan dan bertindak ke atasnya.

Rujukan

Bundy, A. (2002). *Essential Connections: School and Public Libraries for Lifelong Learning*. Australian Library Journal, Vol. 51, m.s. 47-70.

Candy, P. (2002). *Lifelong Learning and Information Literacy*. Didapatkan semula Oktober 20, 2004 dari laman web: <http://www.nclis.gov/libinter/infolitconf&meet/papers/candy-fullpaper.pdf>

Case, D. (2002). *Looking for Information: A Survey of Research on Information Seeking, Needs and Behavior*. New York: Academic Press.

Ford, N. (2003, April). *Towards a Model of Learning for Educational Informatics*. Journal of Documentation, Vol. 60, m.s. 183-225.

Hancock, V. E. (2004). *Information Literacy for Lifelong Learning*. Didapatkan semula Oktober 21, 2004 dari laman web: <http://www.libraryinstruction.com/information-literacy.html>

Hepworth, M. (2004, Mac). *A Framework for Understanding User Requirements for an Information Service: Defining the Needs of Informal Careers*. *Journal of the American Society of Information Science and Technology*, Vol. 55, m.s. 695-708.

Hiscock, J and Marriott, P. (2003, Mac). *A Happy Partnership Using an Information Portal to Integrate Information Literacy Skills into an Undergraduate Foundation Course*. *Australian Academic and Research Libraries*, Vol. 34, m.s. 32-41.


Kapitzke, C. (2003). *Information Literacy: A Positivist Epistemology and a Politics of Outformation*. *Educational Theory*, Vol. 53, No. 1, m.s. 37-53.

Langford, L. (2001, June). *Critical Literacy: A Building Block Towards the Information Literate School Community*. *Teacher Librarian*, Vol. 28, m.s. 18-21.

Mednick, M. (2002). *Information Literacy: The New Challenge*. California. 17 m.s.

Nimon, M. (2002, 24 Mac). *Developing Lifelong Learners: Controversy and the Educative Role of the Academic Librarian*. *Australian Academic and Research Libraries*, Vol. 33, m.s. 14-24.

Pappas, M and Tepe, A. (2002). *Pathways to Knowledge and Inquiry Learning*. Colorado. (Information Literacy Series). 149 m.s.



Bab 3

Piawaian Antarabangsa

Bahagian ini memasukkan satu cadangan untuk piawaian literasi maklumat bagi komuniti perpustakaan antarabangsa IFLA. Ia adalah komponen teras garis panduan ini. Piawaian ini boleh diterima seadanya, tetapi, jika boleh, adalah lebih baik diadaptasi kepada keperluan-keperluan setempat setiap organisasi atau negara.

Struktur piawaian. Piawaian literasi maklumat untuk menjadi pelajar berkesan memasukkan tiga komponen asas: akses, penilaian dan penggunaan maklumat. Matlamat teras ini terdapat dalam kebanyakan piawaian yang dihasilkan oleh persatuan-persatuan perpustakaan, seperti sumbangan-sumbangan relevan dari AASL, ACRL, SCONUL, dan *Institut Literasi Maklumat Australia dan New Zealand*, diikuti karya dari negara-negara lain, seperti Mexico, dan para pendidik individu (Byerly/Brodie, 1999; Kulthau, seperti yang dipetik dalam Stripling, 1999). Piawaian literasi maklumat IFLA adalah berdasarkan pengalaman-pengalaman dan sumbangan-sumbangan antarabangsa ini, dan diperihalkan sepenuhnya di dalam bibliografi pada akhir dokumen ini. Piawaian IFLA dikelompokkan di bawah tiga komponen asas LM.

A. Akses. Pengguna mengakses maklumat dengan cekap dan berkesan.

1. Definisi dan pernyataan keperluan maklumat

Mendefinisi atau mengenalpasti keperluan maklumat

Memutuskan untuk berbuat sesuatu bagi mencari maklumat

Menyatakan dan mendefinisi keperluan maklumat

Memulakan proses pencarian

2. Pengesanan maklumat

Mengenalpasti dan menilai sumber-sumber maklumat berpotensi

Menghasilkan strategi pencarian

Mengakses sumber-sumber maklumat terpilih

Memilih dan mendapatkan semula maklumat yang dikesan

B. Penilaian. Pengguna menilai maklumat dengan cekap dan kritis.

1. Pentaksiran maklumat

Menganalisis, memeriksa, dan mengekstrak maklumat

Membuat tanggapan umum dan mentafsir maklumat

Memilih dan mensintesis maklumat

Menilai ketepatan dan kerelevanan maklumat yang didapatkan semula

2. Penyusunan maklumat

Menyusun dan mengkategorikan maklumat

Mengelompokkan dan menyusun maklumat yang didapatkan semula

Menentukan maklumat mana yang terbaik dan paling berguna

C. Penggunaan. Pengguna mengaplikasikan/menggunakan maklumat dengan tepat dan kreatif

1. Penggunaan maklumat

Mencari cara-cara baru untuk berkomunikasi, mempersembah dan menggunakan maklumat

Menggunakan maklumat yang didapatkan semula

Mempelajari atau mendalami maklumat sebagai pengetahuan peribadi

Mempersembah produk maklumat

2. Komunikasi dan penggunaan beretika maklumat


Memahami penggunaan beretika maklumat

Menghormati perundangan berkaitan penggunaan maklumat

Memperkatakan tentang produk pembelajaran dengan mengiktiraf harta intelek

Menggunakan piawai gaya pengiktirafan yang relevan

Rajah 3. Kecekapan Maklumat



Literasi maklumat. Ringkasnya, literasi maklumat dianggap sebagai pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk mengenalpasti dengan tepatnya maklumat yang dikehendaki bagi melakukan tugas khusus atau menyelesaikan sesuatu masalah, mencari maklumat secara berkesan dari segi kos, menyusun atau menyusun semula maklumat, mentafsir dan menganalisis maklumat sejurus ia dijumpai dan didapatkan semula (contoh, muat-turun), menilai ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat, termasuk mengiktiraf dengan beretika sumber-sumber daripada mana maklumat diperolehi, berkomunikasi dan mempersembahkan keputusan-keputusan analisis dan tafsirannya kepada orang lain jika perlu, dan kemudian memanfaatkannya untuk mencapai keputusan dan tindakan.

Elakkan daripada mengambil ringan tentang kemahiran dan pilihan Apa yang mesti ditekankan ialah dengan hanya mempunyai suatu keperluan maklumat sahaja tidak seharusnya diterjemah kepada suatu dorongan untuk mencari maklumat (Case, 2002; Ford, 2004; Wilson, 1999; dan Hepworth, 2004). Dalam istilah Walton (komunikasi peribadi, November, 2004), setiap individu yang mengesan maklumat sering dianggap

manusia rasional yang akan membuat pilihan terbaik – penyelidikan menunjukkan bahawa ini tidak benar. Lagi pun, dengan merujuk kepada para pelajar khususnya, kita harus mengakui kuasa senarai bacaan ke atas pilihan mereka. Tambahan pula, kaedah lain yang digunakan oleh para pelajar untuk mengesan maklumat, seperti di kalangan mereka sendiri, berkongsi apa yang mereka jumpai atau sedia ketahui, harus juga dititikberatkan. Malah, pendekatan konstruktivis (terutamanya dalam bentuk kerja berkumpulan) sama ada bersemuka atau maya, menggalakkan jenis-jenis pertukaran ini, dan harus dikenalpasti dalam piawaian ini.

Akhir sekali, literasi maklumat juga kadangkala dirujuk sebagai “pemikiran kritis” dan “mempelajari untuk belajar.” Secara tradisinya ia telah diajar kepada para pelajar di dalam perpustakaan sekolah dan pusat media, dan semakin bertambah diajar kepada orang dewasa yang berada dalam tenagakerja, dalam kedua-dua konteks dan suasana pendidikan formal juga komersil, dan latihan pendidikan berterusan.

Rujukan

ACRL. (2004, February). *Information Literacy Competency Standards for Higher Education*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web: <http://www.ala.org/ala/acrl/acrlstandards/informationliteracycompetency.htm>

Bundy, A. (2004). *Australian and New Zealand Information Literacy Framework: Principles, Standards and Practice*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web Australian and New Zealand Institute for Information Literacy: <http://www.caul.edu.au/infoliteracy/InfoLiteracyFramework.pdf>

Byerly, Greg and Brodie, Carolyn S. (1999). Information Literacy Skills **Error! Bookmark not defined.** Models: Defining the Choices. In Stripling, Barbara K. *Learning and Libraries in an Information Age: Principles and Practice*. Englewood: Littleton: Libraries Unlimited, m.s. 54-82

Cortés, J.; González, D.; Lau, J.; et al. (2002). *Normas sobre alfabetización informativa en educación superior*. Juárez: México: UACJ.

Dibble, Mark. (2004). *Directory of Online Resources for Information Literacy: Information Literacy Standards*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web University of South Florida: <http://www.lib.usf.edu/ref/doril/standard.html>


Information Literacy Standards. (2001). Didapatkan semula Julai 27, 2004, dari laman web Council of Australian University Librarians:
<http://www.caul.edu.au/cauldoc/InfoLitStandards2001.doc>

Kuhlthau, C. (1999). Literacy and Learning for the Information Age. In Stripling, Barbara K., *Learning and Libraries in an Information Age. Principles and Practice*. Littleton: Libraries Unlimited.

Normas sobre alfabetización informativa en educación superior. (2002). Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web Tercer Encuentro de Desarrollo de Habilidades Informativas:
<http://bivir.uacj.mx/dhi/DocumentosBasicos/Default.htm>

SCONUL. (2001). *The Seven Pillars of Higher Education*. London: SCONUL.

Walton, G. (November, 2004). Comments on the Draft International Guidelines on Information Literacy Produced for IFLA. (E-Mail), Stoke-on-Trent, England, 5 m.s.



Bab 4

Iltizam Institusi

Kejayaan sepenuhnya sesuatu program literasi maklumat bergantung kepada iltizam di peringkat institusi. Walau bagaimana pun, sesuatu iltizam itu tidak selalu ada atau jelas di peringkat pengurusan tertinggi. Oleh itu, profesional maklumat harus menumpukan masa untuk mewujudkan strategi-strategi berkaitan bagi meyakinkan dan menjual manfaat literasi maklumat kepada para pemimpin institusi untuk mendapatkan sokongan mereka. Langkah asas untuk memasarkan suatu program literasi maklumat, di antara yang dicadangkan oleh ACRL (2004), dan oleh Byerly dan Brodie (1999), adalah:

Tindakan umum.

- Mengadaptasi atau menerima pakai piawaian dan amalan-amalan literasi maklumat
- Mengenalpasti program literasi maklumat yang dapat anda lakukan sebaiknya untuk institusi anda
- Menerima pakai atau merekabentuk suatu program berdasarkan pengalaman-pengalaman kebangsaan dan antarabangsa
- Mengenalpasti apa yang perlu untuk melaksanakan program tersebut
- Menganggap bahawa proses literasi maklumat bukan-garisan lurus, anda boleh melangkaui beberapa langkah dan mengubah susunannya
- Mengusahakan satu pelan strategik untuk mencatat haluan matlamat-matlamat dan tindakan-tindakan anda – Lihat Bab 5 untuk butiran khusus
- Melibatkan kesemua pihak berkaitan dalam proses perancangan: perpustakaan anda, para ahli fakulti/guru, pentadbir, dan pembuat keputusan muktamad projek tersebut

Menukar strategi. Tentangan terhadap perubahan adalah sesuatu yang ada kepada sifat manusia; para profesional maklumat harus memahami rintangan-rintangan ini agar dapat mengatasinya. Menurut Walton (komunikasi peribadi, November, 2004), masalah utama yang dihadapi sebagai profesional maklumat adalah kita sering berdasarkan-sumber berbanding berdasarkan-kurikulum dengan penekanan yang teguh terhadap pembelajaran

berpusatkan-pelajar. Tambahan pula, sebagai profesional maklumat, kita perlu cukup memahami mengenai kegiatan-kegiatan berkaitan literasi maklumat (tidak seharusnya digelar sedemikian oleh para pelajar atau tutor) yang sedang berlaku di antara para tutor dengan pelajar. Peterson (1978) mempunyai cadangan-cadangan berikut untuk para pustakawan:

- Perubahan-perubahan pada kaedah pengajaran lebih sukar berbanding perubahan-perubahan pada kurikulum atau pentadbiran
- Jika suatu perubahan itu memerlukan para guru meninggalkan satu amalan pengajaran yang ada, ia berkemungkinan tidak akan berjaya
- Jika latihan semula diperlukan, kejayaan akan terancam kecuali insentif-insentif kukuh disediakan
- Usaha-usaha untuk mengubah kurikulum dengan menyepadukan atau menghubungkan kandungannya adalah ditentang dan khususnya berisiko
- Harga perubahan adalah satu faktor penting dalam memastikan perubahan yang kekal
- Apabila satu perubahan itu membebankan kakitangan sekolah atau memerlukan pelaburan agak besar untuk mempelajari fakta dan prosedur-prosedur baru, ia berkemungkinan tidak akan berjaya
- Tindakan baru yang minima berkemungkinan tinggi diterima
- Para pustakawan perlu lebih membuat kerja tersebut bagi memastikan kelancarannya sehingga para ahli fakulti/guru melihat manfaat dari kolaborasi itu
- Usaha-usaha kolaborasi itu harus dilihat oleh para ahli fakulti/guru sebagai sesuatu yang mustahak kepada kejayaan mereka
- Manfaat dari perubahan itu harus jelas dilihat oleh para peserta
- Para profesional maklumat harus menjadi penyokong kuat program mereka

Berkongsi kepimpinan.

- Mengenalpasti, memperuntukkan, dan berkongsi kepimpinan tertinggi dengan pasukan perpustakaan yang lain
- Memohon dimasukkan falsafah literasi maklumat ke dalam dokumen teras institusi, seperti misi, pelan strategik, dan dasar-dasar berkaitan

- Meyakinkan pihak berkuasa agar mendapatkan sokongan kewangan yang wajar untuk menggaji para pustakawan, kakitangan perpustakaan, bangunan/kemudahan yang diterima pakai, latihan kakitangan, dan memajukan prosedur
- Menghargai kolaborasi di kalangan rakan kongsi, pihak berkuasa, dan berbagai pihak yang terlibat
- Menghubungi dan mempromosi pengiktirafan mengenai sokongan LM yang anda terima

Budaya institusi.

- Menganalisa dinamik politik, kakitangan, dan belanjawan di institusi anda dan komuniti-komuniti pembelajarannya
- Mengenalpasti gaya kerja organisasi di institusi anda
- Mengambil peranan membina perkongsian pembelajaran
- Memulakan satu skim kolaborasi akademik dengan para ahli fakulti/guru, pustakawan lain, penyelaras teknologi, pentadbir, perancang kurikulum dan pemudahcara pembelajaran

Cabaran-cabaran berpotensi

- Bersedia untuk menghadapi rintangan-rintangan seperti kemudahan yang terhad dan tidak banyak atau tiada sumber-sumber ekonomi atau manusia
- Menerima bahawa beberapa orang pentadbir mungkin menolak atau tidak mengendahkan manfaat literasi maklumat
- Mengetahui dan bertindak terhadap reaksi positif, negatif, atau kurang minat para ahli fakulti/guru
- Bergantung kepada teknologi untuk memimpin kolaborasi pembelajaran institusi anda
- Mendapatkan sokongan dari komuniti pembelajaran sepanjang hayat anda, ia boleh datang dari para pelajar, ahli fakulti/guru, pentadbir, ahli dari institusi lain

Bertegas.

- Mengakui bahawa sesuatu harus dibuat dan menyedari bahawa tiada apa yang sempurna
- Menjadikan satu matlamat bahawa literasi maklumat harus dimuatkan dalam kurikulum
- Bersifat positif dan yakin tentang apa yang perlu dibuat
- Ingat, perpustakaan harus berada ditengah-tengah segala tindakan literasi maklumat

Rajah 4. Mendapatkan Iltizam Institusi



Rujukan


ACRL. (2004, Julai). *Information Literacy in Action*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web American Library Association:

<http://www.ala.org/ala/acrl/acrlissues/acrlinfolit/infolitresources/infolitinaction/infolitaction.htm>

Byerly, G. and Brodie, C. (1999). Information Literacy Skills Models: Defining the Choices. In Stripling, Barbara K., *Learning and Libraries in an Information Age. Principles and Practice*. Littleton, Colorado : Libraries Unlimited.

Peterson, P. L. and Clark, C. M. (1978). *Teachers reports of their cognitive processes during teaching*, American Educational Research Journal, Vol. 15, No. 4, m.s. 555-565.

Walton, G. (November, 2004). *Comments on the Draft International Guidelines on Information Literacy Produced for IFLA*. (E-Mail) (Komen-komen pada deraf Garispanduan Antarabangsa yang diHasilkan untuk IFLA), Stoke-on-Trent, England.



Bab 5

Pelan Tindakan

Anda perlu mempunyai rancangan yang akan dapat membantu anda mewujudkan satu program literasi maklumat, yang dengan jelas mengembangkan idea mengenai apa yang hendak anda capai dan bagaimana anda berhasrat untuk melaksanakan matlamat anda itu. Kaedah untuk menjalankan latihan perancangan strategik berbeza untuk setiap orang dan setiap institusi. Ketahuilah mengenai piawai perancangan di dalam organisasi induk anda. Ingat bahawa anda perlu bekerja dengan satu rancangan yang memberi respon kepada keperluan rancangan anda. Dalam kata lain, anda boleh mewujudkan satu rancangan dengan hanya mengikuti beberapa langkah mudah dan berkesan: objektif, matlamat, justifikasi, keperluan dan belanjawan. Walau bagaimana pun, anda mungkin perlu bekerja dengan menggunakan satu rancangan ortodoks atau strategik yang lebih lengkap, seperti yang akan dibincang dalam seksyen berikut. Ingat bahawa anda perlu berbuat apa sahaja perancangan berkaitan demi mewujudkan program-program yang berkesan dengan keperluan anda.

Perancangan: Suatu langkah pertama LM. Satu perancangan strategik adalah alat unggul untuk menjual dan mendapatkan sokongan dari komuniti pembelajaran dan pihak berkuasa di institusi anda bagi memenuhi matlamat literasi maklumat perpustakaan anda. Langkah-langkah perancangan boleh diubah atau diadaptasi dari buku teks pengurusan bergantung kepada masa yang anda ada untuk menangani tindakan anda. Amalan perancangan strategik yang disyorkan adalah dengan melibatkan kakitangan perpustakaan dan para wakil dari komuniti pengguna, seperti ahli fakulti, pelajar dan pihak berwajib sekolah atau universiti yang berkaitan. Sebaiknya, rancangan ini harus diwujudkan dengan kesepakatan dan input dari kesemua pihak berkaitan. Elemen-elemen lazim yang termasuk dalam satu perancangan strategik adalah:

Misi. Ini merupakan satu perenggan yang menyatakan matlamat dan peranan asas rancangan LM itu. Elakkan penjelasan mengenai cara anda merancang untuk mencapai misi anda. Suatu kenyataan misi:

- Memuatkan definisi literasi maklumat di institusi anda
- Menuruti satu piawaian atau dasar literasi maklumat yang digunakan oleh perpustakaan
- Mengaitkannya dengan misi-misi perpustakaan dan institusi
- Menekankan perihai apa dan bukannya bagaimana atau mengapa
- Menyatakan penyertaan berbagai ahli dari komuniti: para pustakawan, ahli fakulti, kakitangan dan pentadbiran

Visi. Visi harus disatukan dalam kenyataan yang mendefinisi pengharapan program yang hendak dicapai itu pada masa hadapan, sama ada ianya perancangan jangka-pendek, jangka-pertengahan atau jangka-panjang: 1, 3, atau 5 tahun. Visi harus:


- Memuatkan hasil jangka-panjang yang diharapkan dari program literasi maklumat tersebut
- Ditulis dalam bahasa yang mudah dan padat
- Menekankan hasil berbanding bagaimana atau mengapa untuk mencapainya

Justifikasi. Justifikasi untuk program menerangkan sebab-sebab, keperluan-keperluan dan faedah-faedah mewujudkan satu program literasi maklumat. Kepanjangan seksyen ini boleh jadi satu muka surat atau lebih. Adalah amat penting untuk meyakinkan pihak-pihak berpotensi untuk mewujudkan program LM itu. Seksyen justifikasi biasanya memasukkan:

- Cabaran-cabaran literasi maklumat para pengguna, iaitu, apakah LM yang perlu mereka kuasai?
- Penggunaan kualitatif maklumat oleh pengguna sebenar dan berpotensi
- Faedah-faedah nyata mengenai proses pembelajaran untuk individu dan institusi disertakan dengan statistik untuk menyokong hujah anda

Rajah 5. Pelan Strategik

Kekuatan dan kelemahan Persekitaran dalaman



Kekuatan dan kelemahan. Dalam seksyen ini kemampuan perpustakaan dianalisa untuk melaksana rancangan literasi maklumat itu secara ringkas. Anda harus:

- Menyenaraikan kesemua faktor positif perpustakaan bagi memastikan kejayaan program tersebut
- Menganalisa sumber-sumber manusia, ekonomi dan fizikal yang tersedia di perpustakaan
- Memasukkan dalam satu senarai berasingan segala cabaran yang telah dihadapi atau mungkin dihadapi dalam usaha LM
- Menilai kelemahan anda dari segi sumber-sumber manusia, ekonomi dan fizikal yang tersedia di perpustakaan untuk program LM
- Menulis kenyataan-kenyataan bersifat positif, dengan mengandaikan bahawa segala masalah merupakan peluang-peluang untuk kemajuan

Kajian persekitaran. Analisa faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyumbang atau menyekat kejayaan rancangan literasi maklumat anda. Kajian persekitaran harus:

- Menyenaraikan faktor-faktor institusi yang boleh membantu atau membatasi program itu
- Menilai faktor-faktor luaran kepada organisasi induk anda yang boleh menyumbang atau mengurangkan kemungkinan kejayaan program literasi maklumat
- Ditulis dengan menggunakan bahasa bersifat positif

Strategi. Memikirkan pendekatan atau prinsip pengurusan am yang akan anda guna bagi melaksanakan program anda. Ini termasuk:

- Strategi-strategi belanjawan yang akan anda gunakan untuk membiayai program itu
- Penjelasan mengenai strategi keberkesanan dan kecekapan yang akan anda guna untuk mencapai rancangan LM itu
- Prinsip-prinsip pengurusan berkaitan yang akan anda guna untuk pentadbiran perpustakaan

Objektif dan matlamat. Di sini, terangkan matlamat am anda. Ia boleh dikategori dengan cara berlainan: satu contoh ialah mengelompokkannya mengikut jenis pengguna seperti para pelajar, ahli fakulti dan kakitangan, atau mengikut disiplin dan tahap gred kursus. Anda juga boleh mengelompokkan objektif mengikut proses seperti kemajuan staf, kewujudan kursus LM, dan infrastruktur (mengadaptasi/mewujudkan bilik darjah elektronik). Dalam seksyen ini:

- Setiap matlamat boleh dibahagi kepada matlamat umum dan khusus bergantung pada perincian yang mungkin anda perlu atau mahu tentukan
- Nyatakan matlamat-matlamat yang akan dicapai di bawah setiap objektif anda

- Matlamat harus khusus, sebaliknya, dengan memikir dan memberi tumpuan kepada hasil pembelajaran yang anda rasa harus dicapai oleh kesemua pelajar, akan mempertahankan satu pendekatan berpusatkan-pelajar.

Tindakan. Ini merupakan tugas utama untuk disiapkan bagi mencapai setiap objektif.

Dalam seksyen ini:

- Nyatakan berbagai tindakan yang diperlukan untuk mencapai setiap matlamat
- Senaraikan satu atau beberapa tindakan, tetapi cuba ringkaskannya
- Tuliskan tindakan-tindakan mengikut susunan yang perlu untuk menyiapkannya

Sumber / Keperluan. Anda harus menentukan jenis-jenis sumber yang diperlukan di bawah setiap tindakan anda untuk mencapai objektif dan matlamat. Dalam seksyen ini:

- Buat satu senarai berasingan untuk judul-judul tindakan-tindakan, tanpa sebarang perincian
- Jumlahkan di bawah setiap tindakan itu bilangan dan jenis sumber manusia yang diperlukan
- Terangkan keperluan fizikal anda, seperti sebuah bilik darjah, ruang pejabat, perabot, peralatan, dll.
- Terangkan metodologi, latihan dan pengurusan yang perlu anda lakukan bagi melaksanakan tindakan anda

Belanjawan. Anggarkan kos setiap sumber yang anda perlu untuk melaksanakan tindakan-tindakan anda. Dalam seksyen ini:

- Anggarkan kos anda
- Anggaran kos dibuat dengan fleksibel
- Angka-angka menentukan banyak mana pembiayaan yang diperlukan program LM
- Maklumat belanjawan menentukan kebolehlaksanaan objektif dan matlamat LM

Jadual waktu. Wujudkan satu jadual yang meringkaskan tarikh akhir untuk mencapai matlamat tersebut. Ini akan menjadi satu alat untuk menilai kemajuan program LM anda. Dalam seksyen ini:

- Ciptakan satu matriks penyenaian objektif yang dibahagikan dengan matlamat dan diikuti dengan tindakan-tindakan tertentu yang perlu bagi menyempurnakan setiap matlamat
- Ciptakan ruang untuk unit-unit waktu (hari, minggu, bulan, tahun)
- Tandakan ruang tarikh yang berpadanan dengan tarikh permulaan dan/atau penamat bagi setiap tindakan
- Warna-warna berlainan boleh digunakan untuk menandakan tarikh permulaan dan penamat


Rujukan

ACRL. (2003). *Characteristics of Programs of Information Literacy that Illustrate Best Practices: A Guideline*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web American Library Association: <http://www.ala.org/ala/acrl/acrlstandards/characteristics.htm>

ACRL. (2003). *Guidelines for Instruction Programs in Academic Libraries Approved*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web American Library Association: <http://www.ala.org/ala/acrl/acrlstandards/guidelinesinstruction.htm>

Spaeth, C. and Walter, L. (1999). *Implement a Literacy Program*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web: <http://www.sil.org/lingualinks/literacy/ImplementALiteracyProgram/contents.htm>

WLMA and OSPI Essential Skills for Information Literacy. (2004). Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web Washington Library Media Association: <http://www.wlma.org/Instruction/wlmaospibenchmarks.htm>



Bab 6

Pengurusan Pembelajaran/Pengajaran

Penglibatan golongan profesional perpustakaan dalam literasi maklumat terdapat dalam berbagai bentuk yang berbeza. Bentuk penglibatan yang paling ideal ialah dengan menjadikan program literasi maklumat sebahagian daripada kurikulum kerana literasi maklumat memerlukan pembangunan berterusan dalam pendidikan formal di tahap rendah, menengah dan universiti. Pencapaian dalam literasi maklumat memerlukan pelajar mempunyai pengalaman dalam kebanyakan, jika tidak kesemua, matapelajaran termasuk pengalaman pembelajaran. Literasi maklumat perlu diintegrasikan dalam kandungan, struktur dan susunan kurikulum. Literasi maklumat tidak akan terhasil daripada satu kursus (Bundy, 2004), oleh itu kerjasama antara institusi dengan semua pihak yang berkepentingan dalam proses pembelajaran adalah sangat kritikal. Profesional maklumat perlu melibatkan diri dalam kursus pengajaran atau mendapatkan kelayakan yang diiktiraf jika mahu menjadi sebahagian daripada usaha institusi ke arah pencapaian literasi maklumat.

Memulakan Program. Para pelajar perlu mengamalkan, memikirkan dan mengaplikasikan literasi maklumat dalam semua tahap pembelajaran mereka. Walaubagaimanapun, ini jarang berlaku terutama sekali di tahap permulaan program literasi maklumat. Di beberapa institusi, ia akan mengambil tempoh yang panjang sebelum literasi maklumat menjadi sebahagian penting dalam kursus-kursus yang ditawarkan. Panduan untuk memulakan dan menjalankan program atau kursus literasi maklumat adalah seperti berikut: (Bundy, 2004; Stripling, 1999).

Garis panduan Am Terdapat prinsip pengurusan tertentu yang boleh digunakan untuk kegiatan literasi maklumat termasuk:


- Fokus khusus kepada satu piawaian literasi maklumat atau piawaian-piawaian untuk setiap kegiatan literasi maklumat
- Beri tumpuan kepada setiap piawaian satu-persatu jika tidak mampu memberi tumpuan kepada semua piawaian pada satu-satu masa
- Dapatkan bantuan fakulti jika memerlukan kaedah mewujudkan kursus
- Jalankan promosi berkesan untuk kegiatan literasi maklumat—dengan menggunakan setiap keupayaan anda
- Bekerja dalam pasukan—sebarang kegiatan dapat dijalankan dengan lebih daripada seorang profesional maklumat
- Sebaiknya lantik seorang ketua untuk kesemua usaha literasi maklumat yang dilakukan oleh perpustakaan
- Perlu diingatkan bahawa literasi maklumat bukan hak milik sesebuah perpustakaan—anda perlu berkerjasama dengan ahli-ahli lain di dalam komuniti pembelajaran anda
- Objektif literasi maklumat bagi sebarang jenis kegiatan harus jelas

Keperluan literasi maklumat berbeza. Pemudahcara literasi maklumat harus peka akan keperluan yang berbeza di kalangan orang perseorangan. Individu serta kumpulan individu pada awalnya mempunyai kompetensi yang berbeza. Tetapi yang lebih mustahak ialah kemungkinan terdapat perbezaan dari segi tahap motivasi untuk memenuhi keperluan dan mengembangkan kompetensi. Pelajar, umpamanya, dilihat sebagai satu kumpulan homogen yang mempunyai persamaan dari segi keperluan, kemahiran dan motivasi. Namun pengalaman kebelakangan ini (terutama apabila penglibatan meluas diambilkira) menyanggah pandangan yang melihat kumpulan atau populasi pelajar sebagai homogen. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, faktor yang disebut *presage* (andaian) mengandaikan bahawa seseorang individu yang memasuki situasi pembelajaran dengan membawa bersama-samanya pengalaman-pengalaman, ciri-ciri dan pengertian pembelajaran terdahulu, akan sebaliknya dipengaruhi faktor perkembangan dan faktor sosial serta gaya dan pendekatan pembelajaran. Penulis seperti Biggs dan Moore (1993) menekankan mustahaknya faktor ini diambil kira (Walton, komunikasi peribadi, November, 2004).

Jadikan sebahagian daripada kursus tetap fakulti/sekolah. Perjalanan literasi maklumat ini boleh dimudahkan dengan menjadikannya sebahagian daripada kursus am yang dijalankan oleh staf fakulti atau guru. Ini adalah titik permulaan baik untuk kegiatan literasi maklumat kerana akan memberikan peluang untuk meyakinkan rakan-rakan akademik tentang faedah literasi maklumat. Berikut adalah beberapa tindakan yang boleh diambil untuk memudahkan proses ini:

- Bertemu pentadbir-pentadbir fakulti dan berkongsi faedah literasi maklumat dengan mereka
- Bertemu dengan para profesor/guru literasi maklumat yang berpotensi
- Edarkan dokumen-dokumen mengenai kelebihan menawarkan program literasi maklumat dalam sistem fakulti kepada pihak yang sewajarnya
- Menawarkan perkhidmatan literasi maklumat kepada para profesor/guru dalam kursus yang mereka rancangkan
- Menyediakan bahan latihan pembelajaran literasi maklumat, sebagai contoh bagaimana satu-satu kursus dapat memberi tumpuan kepada pembelajaran literasi maklumat
- Menjadikan perpustakaan sebagai makmal maklumat
- Menyediakan satu bengkel untuk fakulti/guru-guru untuk membincangkan konsep-konsep literasi maklumat dan kepentingan melaksanakan konsep ini dalam bilik darjah

Rajah 6. Menu Pembelajaran



Kursus kurikulum bebas. Kursus-kursus ini ditawarkan secara bebas dan khusus untuk literasi maklumat tetapi menjadi sebahagian daripada pelan pengajian pelajar. Tanggungjawab dalam proses pembelajaran maklumat diberikan sepenuhnya kepada professional maklumat. Jika anda berpeluang untuk merancang satu kursus literasi maklumat yang bebas:

- rancangkan kursus anda supaya berpadanan dengan reka bentuk sekolah/fakulti
- jadikan pedagogi konstruktif sebagai asas kursus—iaitu insentif pada para pelajar untuk berlatih konsep
- jadikan kursus itu seronok dan menarik minat pelajar mengikut matapelajaran
- pastikan latihan tertumpu kepada sesuatu yang akan memberikan menafaat kepada para pelajar dalam kelas tetap yang lain
- bila mana boleh, bergabung dengan professor kursus lain supaya latihan dapat dibuat pada topik yang sama
- ubahsuai jangkamasa kursus mengikut masa yang tersedia
- jangan panjangkan kursus—empat hingga sepuluh jam adalah ideal
- bahagikan topik dan, jika perlu, agihkan untuk lebih daripada satu kursus

Kursus kurikulum tambahan. Kursus kurikulum tambahan lebih senang dirancang, kerana ia bebas daripada kurikulum fakulti/sekolah. Bagaimanapun, matlamat jangka panjang anda ialah untuk menjadikan kursus-kursus literasi maklumat sebahagian daripada kurikulum. Berikut adalah cadangan-cadangan untuk kursus kurikulum tambahan:

- Ikut format dan prosedur kursus sekolah yang tetap
- Pilih tarikh kursus semasa pelajar mempunyai tugas akademik yang sedikit
- Pelajar tidak mempunyai masa yang banyak di awal dan hujung penggal untuk mengambil kursus ini
- Beri pengiktirafan kepada mereka yang mengambil kursus ini, seperti sekeping sijil
- Pihak perpustakaan sendiri boleh mempunyai program sijil maklumat
- Ambil jalan bebas ini hanya apabila perlu sahaja, ingatlah bahawa program yang diintegrasikan akan lebih berjaya.

Kursus pendek bebas. Ini adalah kaedah untuk melatih objektif literasi maklumat dan mengemaskini kemahiran yang berbeza di kalangan ahli-ahli masyarakat pembelajaran anda. Oleh kerana kursus ini perlu dikaitkan secara terus dengan satu kurikulum, ia hanya akan diajar sebagai satu jalan terakhir. Pembelajaran berkesan akan terjadi apabila pembelajaran itu disesuaikan dalam konteks dan terbenam (teras sebenar dari teori konstruktivis) (Walton, komunikasi peribadi, November, 2004). Jika anda menawarkan kursus ini, satu siri kursus-kursus pendek boleh disepadukan menjadi satu kursus penuh. Langkah-langkah berikut boleh digunakan dengan sama rata dalam kursus terbenam serta kursus/modul generik yang bebas:

- Rancangkan bengkel-bengkel literasi maklumat untuk meningkatkan kemahiran tertentu
- Bengkel-bengkel perlu fokus
- Tempoh masa perlu singkat dan dijadualkan ketika para pelajar mempunyai waktu rehat seperti masa makan atau waktu malam

- Wujudkan satu program untuk tempoh satu penggal dengan opsyen bengkel-bengkel yang berbeza
- Pengendalian bengkel boleh dikongsi dengan pakar maklumat lain, jika ada
- Ceriakan sesi pembelajaran
- Namakan bengkel dengan kata-kata menarik tetapi fokus kepada kandungan kursus

Kursus untuk staf fakulti/guru. Mereka ini adalah kunci kepada kejayaan program literasi maklumat. Para pensyarah, professor dan guru perlu tahu bagaimana untuk belajar dan menguasai kecekapan maklumat baru, walaupun adakalanya mereka tidak mengenalinya. Oleh itu, tawarkan mereka latihan literasi maklumat yang pelbagai dan fleksibel. Ingatkan perkara berikut semasa melatih pendidik:

- Staf fakulti/guru-guru adalah anggota terpenting dalam setiap institusi pendidikan yang perlu diyakinkan tentang faedah-faedah literasi maklumat
- Wujudkan satu atau beberapa kursus yang dipadankan dengan keperluan para profesor/guru.
- Setiap kursus yang anda kendalikan untuk komuniti pembelajaran ini, akan menambah kepada penyokong literasi maklumat
- Rekabentuk suatu kursus yang menggunakan pengalaman sendiri di mana anda boleh memudahkan pembelajaran literasi maklumat untuk diadaptasi oleh para profesor/guru di dalam kelas mereka.
- Tawarkan kursus sebelum atau selepas penggal berakhir
- Jadikan kursus sebahagian daripada program latihan fakulti dalam institusi
- Menggalakkan kursus di kalangan ahli-ahli fakulti yang menyokong perpustakaan
- Tawarkan kursus pada waktu yang istimewa dan masukkan waktu minum kopi
- Sediakan kegiatan pembelajaran supaya peserta boleh bermuhasabah, dengan mengambil kira keperluan pengajaran mereka sendiri
- Ingatlah bahawa peserta adalah ahli fakulti yang lebih mendesak, oleh itu sediakan kandungan kursus dan bahan dengan baik

Kegiatan-kegiatan lain. Ini termasuk demonstrasi, syarahan, lawatan ke perpustakaan dan sesi latihan. Program literasi maklumat yang baik harus memberikan pilihan menu untuk kursus tetap dan kursus opsyen yang saling melengkapi untuk menyokong pembelajaran dengan:

- Menawarkan maklumat mengenai sesi latihan literasi maklumat atas permintaan staf fakulti/guru-guru.
- Menyediakan satu menu pilihan opsyen yang siap sedia untuk sesi pengajaran
- Memberikan maklumat tentang objektif-objektif dan faedah-faedah untuk para peserta.
- Menyediakan dan mengagihkan risalah-risalah untuk setiap kegiatan.
- Menyediakan sesi dalam kelas atau tempat lain yang mungkin tidak sebegitu sesuai seperti perpustakaan.
- Mengiktiraf staf akademiik yang menawarkan peluang literasi maklumat di perpustakaan.
- Jika masa anda terhad, tetapkan tarikh dan masa untuk melakukan kerja literasi maklumat

Rujukan

Adams, L. (2004). *Designing the Electronic Classroom*. Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web: <http://www.checs.net/95conf/PROCEEDINGS/adams.html>

Assessment in Library and Information Literacy Instruction. (2004). Didapatkan semula Julai 26, 2004, daripada University of Nevada, Reno, dari laman web: <http://www2.library.unr.edu/ragains/assess.html>

Biggs, J. dan Moore, P. (1993). *Process of Learning*. New York: Prentice Hall.

Bundy, A. (2004). *Australian and New Zealand Information Literacy Framework: Principles, Standards and Practice*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, daripada Australian

and New Zealand Institute for Information Literacy, dari laman web:
<http://www.caul.edu.au/infoliteracy/InfoLiteracyFramework.pdf>

Cortes J. (2002). *Diseño y Equipamiento de Salones Electrónicos para Programas de DHI*. Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web:
http://www.infoconsultores.com.mx/RevInfo52/20_22_ART_Cortes.pdf


Gratch-Lindauer, B. (2000). *Assessing Community Colleges: Information Literacy Competencies and Other Library Services and Resources*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web: <http://fog.ccsf.cc.ca.us/~bgratch/assess.html>

Information Literacy Instruction: a Selection of Tools for Instructors (2004). Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web University of Montreal di: http://mapageweb.umontreal.ca/deschatg/AAFD_index_en.html

Information Literacy Program (2003). Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web Weber State University di:
<http://faculty.weber.edu/chansen/libinstruct/ILProgram/goals/programgoals03.htm>

Stripling, B. (1999). *Learning and Libraries in an Information Age: Principles and Practice*. Littleton: Libraries Unlimited.

Teaching Library Projects (2004). Didapatkan semulai Julai 26, 2004, dari laman web The Teaching Library di: <http://www.lib.berkeley.edu/TeachingLib/Projects.html>



Bab 7

Perkembangan Kakitangan

Para pustakawan boleh menggunakan masa mereka dengan baik untuk mengajar para pelajar dan ahli fakulti bagaimana untuk mengesan, menilai, dan mengguna maklumat. Mereka harus memfokus semula kerja mereka untuk melatih individu-individu mengenai pencarian dan penggunaan maklumat, berbanding hanya mengenai pengesanan dan dapatan semula sumber. Walau bagaimana pun, peranan mengajar memberikan satu cabaran: para pustakawan perlu melatih diri mereka sendiri untuk mencari peluang-peluang untuk belajar atau mempertingkatkan kemahiran mempermudah pembelajaran.

Keperluan untuk pustakawan yang berperanan sebagai pengajar (Goldfarb, E. K., seperti yang dipetik dalam Stripling, 1999). Kaedah pedagogi baru yang digunakan di sekolah-sekolah dan universiti-universiti memerlukan para pustakawan memainkan peranan aktif dalam proses pembelajaran. Oleh itu para pustakawan harus:

- Mengambil peranan baru sebagai pemudahcara pengetahuan dan pengajaran
- Menyediakan kepakaran penting mengenai a) mengakses maklumat, b) memilih sumber maklumat, dan c) mempermudah penggunaan maklumat dalam proses pembelajaran (Kuhlthau, seperti yang dipetik dalam Stripling, 1999)
- Belajar dan mengajar format-format maklumat baru (linear dan bukan-linear)
- Mempermudah punca/titik akses bukan-tradisi atau yang sering berubah sealiran dengan perubahan media dan sumber maklumat

Perkembangan-kendiri para pustakawan. (Goldfarb, E. K., seperti yang dipetik dalam Stripling, 1999). Perkembangan profesional para pustakawan bergantung kepada proses-proses dan tindakan-tindakan pembelajaran-kendiri. Mereka perlu:

- Memajukan kemahiran literasi maklumat mereka sendiri


- Membangunkan keupayaan untuk memudahkan pembelajaran dan mengajar pemikiran kritis dan siasatan
- Bertanggungjawab terhadap pembelajaran dan kemahiran teknologi mereka sendiri
- Sentiasa menerima latihan perpustakaan, iaitu satu bentuk pembelajaran kemahiran dan konsep baru yang penting
- Turut serta dalam pertubuhan-pertubuhan profesional, menghadiri persidangan, dan membeli kesusasteraan teknikal
- Membenarkan masa yang mencukupi untuk peluang-peluang kolaborasi dengan rakan sebaya, mempunyai/memberi sokongan berterusan, dan menawarkan/menerima tugas berkaitan nasihat kurikulum

Latihan institusi. Perpustakaan perlu menyediakan pendidikan yang sewajarnya menurut caranya sendiri. Satu program bagi meningkatkan atau membangunkan kemahiran-kemahiran pendidikan termasuk yang berikut:

- Program latihan komprehensif bagi seluruh pasukan perpustakaan, termasuk kakitangan
- Program boleh dibahagi kepada sesi-sesi berasingan untuk latihan asas, sederhana dan lanjutan
- Disarankan jangkamasa untuk bengkel dan kursus dilaksanakan lebih daripada satu tahun
- Masukkan sekurang-kurangnya empat jenis kursus: pedagogi, teknologi, pengurusan-kendiri dan kecekapan berkaitan maklumat:
 - Komponen pedagogi program itu harus memasukkan topik-topik tentang bagaimana mewujudkan suatu kursus, reka bentuk pengajaran, pentaksiran dan penilaian, komunikasi kelas, konflik dan pengurusan kumpulan, di antara kemahiran-kemahiran pendidikan asas yang lain.
 - Latihan teknologi harus memasukkan kursus mengenai perisian pejabat, pengurusan kursus, reka bentuk perisian web, dan pengurusan peralatan
 - Di bawah pengurusan-kendiri, program mesti memasukkan pengurusan masa, perancangan, bengkel motivasi, dan pengurusan am

- Latihan berkaitan maklumat harus menjadikan para pustakawan cekap dengan alat dan sumber maklumat yang didapati di perpustakaan serta di Internet, termasuk enjin pencarian, pangkalan data, dan penerbitan elektronik, di antara kandungan maklumat lain yang tersedia sama ada di dalam atau di luar perpustakaan.

Rajah 7. Perkembangan Kakitangan



Pembelajaran jarak jauh dan e-pembelajaran. Tugas mempermudah LM kepada beberapa kumpulan pelajar lebih mudah dicapai apabila pembelajaran jarak jauh dan e-pembelajaran digunakan. Ini boleh menjadi satu penyelesaian kepada bilangan terhad para pustakawan atau profesional maklumat yang terdapat di perpustakaan. Para profesional LM perlu menguasai modaliti pendidikan dan latihan baru yang menggunakan rangkaian, terutamanya Internet, sebagai bilik kuliah maya, berbanding bilik kuliah fizikal yang tradisi. Para pustakawan boleh berinteraksi dengan para pelajar mereka dalam talian, untuk membolehkan pelajar tersebut menyiapkan penyelidikan dan tugas mereka dari rumah, pejabat, atau mana-mana sahaja yang mempunyai akses

kepada rangkaian komputer dan telekomunikasi. Begitu juga pustakawan tersebut boleh melakukan kerja tutorial di mana-mana terdapatnya akses kepada sebuah komputer.

Rujukan

Biggs, J.B. and Moore, P.J. (1993). *Process of Learning*. New York: Prentice Hall.

Goldfarb, E. K. (1999). Learning in a Technological Context. Di dalam B. K. Stripling, *Learning and Libraries in an Information Age. Principles and Practice*. Littleton, Colorado : Libraries Unlimited.


Kuhlthau, C. C. Literacy and Learning for the Information Age. Di dalam B K. Stripling, *Learning and Libraries in an Information Age: Principles and Practice*. Littleton, Colorado : Libraries Unlimited.

Marton, F. and Saljo, R. (1997). Approaches to Learning. Di dalam F. Marton, et al (Eds), *The Experience of Learning*. Edinburgh: Scottish University Press.

Oellers, B. and Monfasani, R. (2001, April). *Capacitación del Personal y Formación de Usuarios*. Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web Asociación de Bibliotecarios Graduados de la República de Argentina: <http://www.abgra.org.ar/>

Saavedra Fernández, O. (2003, Mei). El bibliotecario del siglo XXI. *ACIMED. 11* Didapatkan semula Julai 26, 2004, dari laman web: http://bvs.sld.cu/revistas/aci/vol11_5_03/aci10503.htm

Squires, G. (1994). *A New Model of Teaching and Training*. Hull: University of Hull.



Bab 8

Teori Pembelajaran

Teori-teori pembelajaran masa kini berdasarkan penyelidikan dalam bidang psikologi kognitif dan pendidikan konstruktivis. Adalah penting bagi pustakawan membiasakan dengan teori-teori ini jika mahu membangunkan teknik pengajaran yang berkesan untuk membimbing pembelajaran (McGregor, seperti disebut dalam Stripling, 1999). Seorang pustakawan bukan sahaja perlu menjadi biasa dengan komponen-komponen literasi maklumat untuk memudahcara tetapi perlu menunjukkan kecekapan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan (pedagogi) serta sedar akan perbezaan dalam pembelajaran pelajar.

Terdapat berbagai teori pembelajaran dan setiap satu mempunyai perbezaan. Tidak ada mana-mana teori yang betul atau salah kerana bukan semua amalan pendidikan berasaskan suatu aliran pemikiran yang khusus (Grassian dan Kaplowitz, 2001). Pustakawan perlu memilih teori dengan cabangnya yang serasi dengan gaya mengajar, matapelajaran atau topik yang akan diajar. Sentiasa ingat bahawa:

- Pembelajaran melibatkan perubahan
- Perubahan ini boleh dikatakan kekal
- Pembelajaran akan melibatkan perubahan secara sedar (bagaimana kita berfikir) atau tingkahlaku (apa yang kita lakukan) atau kedua-duanya
- Pembelajaran terbit daripada interaksi dengan unsur-unsur persekitaran seperti maklumat, peristiwa dan pengalaman (termasuk tetapi tidak terhad kepada mendidik dan latihan) (Squires, 1994).

Berikut ialah satu ringkasan teori-teori pembelajaran utama, model-model pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran individu dan konsep-konsep pemikiran dan pembelajaran (McGregor, seperti disebut dalam Stripling, 1999). Perlu ditekankan bahawa ini hanya beberapa daripada banyak yang wujud.


Pandangan Tingkahlaku (Behaviorist). Realiti itu bersifat luaran dan mutlak. Ianya boleh diukur, penyebab dan kesannya boleh ditentukan dan diseragamkan; contoh aplikasinya ialah ujian seragam. Beberapa konsep utama ialah:

- Penyesuaian suasana (Pavlov, 2005) – Pembelajaran ditafsirkan mengikut pemerhatian tingkahlaku. Apa yang orang lain buat lebih penting daripada apa yang mereka fikirkan.
- Pengukuhan (Skinner, 1986) – Rangsangan diberikan selepas satu tindakan terjadi sebagai cara untuk menggalakkan atau mengurangkan tingkahlaku tertentu berulang.
- Pembelajaran secara pemerhatian (Bandura, 2004) – Pembelajaran berlaku dengan memerhati dan kemudian meniru tingkahlaku.

Pendekatan Konstruktivis. Realiti adalah kerangka sosial yang dibina oleh individu yang menentukan realiti mereka berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sebelumnya yang unik. Teori ini berbeza daripada pandangan tingkahlaku (behavioris) kerana beranggapan bahawa adalah mungkin untuk mengkaji apa yang tidak dapat dilihat dalam usaha untuk memahami apa yang berlaku dalam minda semasa kita belajar. Pemikiran semasa tentang pembelajaran dipengaruhi kuat oleh teori dan penyelidikan konstruktivis. Beberapa model utama pendidikan konstruktivis ialah:

- Aktiviti praktikal penyelesaian masalah (Dewey, 1967) – Pembelajaran boleh dicapai melalui pemikiran reflektif untuk menyelesaikan masalah dengan menganalisa masalah sebenar dan memberikan penyelesaian alternatif yang berpotensi, iaitu, para guru berperanan sebagai pembimbing dan bukan pemberi maklumat.
- Tahap perkembangan kognitif (Piaget, 2005) – Perkembangan pembelajaran kanak-kanak akan bertambah melalui pemahaman terdahulu, walaupun idea-idea terdahulu mungkin tidak tepat. Beliau menggambarkan empat peringkat pembangunan yang perlu dilalui oleh kanak-kanak. Mereka tidak boleh maju dari satu peringkat ke peringkat lain sehingga kriteria tertentu telah dipenuhi; mengenalpasti apa yang kanak-kanak boleh lakukan, dan bukan apa yang mereka tidak boleh buat.
- Peningkatan di atas ilmu pengetahuan yang terdahulu (Bruner, 1962) – Pelajar-pelajar mempertingkatkan ilmu pengetahuan yang terdahulu untuk mencapai tahap pemahaman lebih tinggi. Pembelajaran ialah satu proses aktif dalam pencarian dan pengkelasan.

Rajah 8. Teori-Teori Pembelajaran



Model-model pembelajaran (McGregor, 1999). Dalam model-model pendidikan konstruktivis, pedagogi kedua-dua psikologi pembelajaran dan kognitif adalah berasaskan model-model pembelajaran yang berbeza dan tidak semestinya eksklusif ke atas yang lain.


- Pembelajaran secara siasatan (Bruner, 1962). Para guru/staf fakulti menyediakan masalah (dengan jawapan terbuka, tertutup atau aktif) untuk diselesaikan oleh para pelajar berserta sumber untuk menyelesaikannya.
- Pembelajaran berpusatkan pelajar. Para pelajar dilihat sebagai individu yang mempunyai hak untuk menyuarakan apa yang mereka pelajari. Pembelajaran adalah aktif dan para pelajar digalakkan untuk terarah diri, bertanggungjawab atas pembelajaran diri sendiri.
- Pembelajaran koperatif (Slavin, 1995) – Interaksi di kalangan pelajar menggalakkan pencapaian matlamat pembelajaran dengan jayanya daripada belajar sendiri.
- Pembelajaran berasaskan aqal. Gaya pembelajaran ini berdasarkan lima andaian: 1) otak beroperasi dengan mengelolakan input dan memberikannya makna. 2) Otak berfungsi dengan mengenalpasti corak. 3) Otak boleh melakukan lebih daripada satu perkara dalam satu masa, dan memproses kesemua bahagian dengan serentak. 4) Emosi memainkan peranan penting dalam pembelajaran. 5) Setiap otak adalah tersendiri dan berbeza daripada otak lain.
- Pembelajaran bermakna. Para pelajar terlibat dalam tugas yang bermakna, mencabar atau menyelesaikan masalah-masalah sebenar. Mereka akan membina fahaman sendiri apabila meminati apa yang dipelajari, mengatur dan mengawal, ketika mereka menetapkan matlamat pembelajaran sendiri, menyedari dan berupaya memilih strategi-strategi pembelajaran mereka sendiri dan mampu bekerja dengan para pelajar lain. Model ini melibatkan banyak yang telah digambarkan sebelum ini.

Faktor-faktor dalam proses pembelajaran (McGregor, 1999). Pembelajaran disebabkan oleh beberapa faktor berbeza, termasuk, kecerdasan pelajar yang berbeza, gaya pembelajaran, dan motivasi.

- Kecerdasan pelbagai (Gardner, 1983) – Kecerdasan ialah suatu konsep yang bersifat pelbagai dan para pelajar mempunyai pelbagai cara untuk memahami dunia mereka. Cara-cara ini ialah: linguistik, logik matematik, ruang, kinestetik jasmani, muzik, interpersonal, intrapersonal, dan semulajadi.
- Gaya-gaya pembelajaran (Gardner, 1983) – Gaya pembelajaran adalah suatu keutamaan manakala kecerdasan ialah keupayaan untuk berurusan dengan perkara tertentu. Beberapa pengarang menekankan keutamaan fizikal dan alam sekitar, gaya kognitif, dan cara bekerja. Ada pelbagai kategori untuk mengukur jenis personaliti, kesukaan deria (visual, pendengaran, kinestetik), keutamaan alam sekitar dan gaya pemikiran.
- Motivasi (Wittrock, 2004) – Proses memulakan, mengekal, dan mengarah aktiviti mempunyai pengaruh kuat ke atas bagaimana orang belajar. Program-program

motivasi berdasarkan teori behavioris, yaitu menyediakan ganjaran-ganjaran ekstrinsik untuk menggalakkan para pelajar belajar. Kelemahannya ialah pelajar akan lebih tertumpu kepada ganjaran dan bukan aktiviti pembelajaran itu sendiri.

Rajah 9. Faktor-faktor: Proses Pembelajaran



Pemikiran dan pembelajaran (McGregor, 1999). Cara orang berfikir dan jenis pemikiran mereka merupakan unsur penting dalam proses pembelajaran.

- Taksonomi Bloom (Bloom, 1956) – Taksonomi untuk pengelasan objektif pembelajaran dalam wadah kognitif menyenaraikan kemahiran berfikir dalam satu aturan berhierarki yang mencadangkan kemahiran para guru/fakulti yang perlu diketengahkan. Kemahiran-kemahiran yang disusun daripada paling mudah kepada paling kompleks, adalah: pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian. Pengetahuan dirujuk sebagai makna paling mudah tidak seperti takrif dalam sains perpustakaan.
- Pemikiran kritis (Ennis, 1985) – Ia adalah “pemikiran yang munasabah, reflektif, tertumpu kepada menentukan apa yang perlu dipercayai atau dilakukan.” (m.s. 54) Takrif-takrif termasuk komponen membuat keputusan dan peningkatan pemikiran.
- Pemikiran kreatif (Cave, 1996) – Ia adalah keupayaan untuk melihat perkara dalam cara yang berbeza daripada yang jelas atau tradisional. Pemikiran kreatif mempunyai dua komponen, pemikiran yang tercapah dan tertumpu. Pertama ialah keupayaan intelek untuk memikirkan lebih daripada satu perkara dalam satu masa dan menghuraikan idea-idea, dan yang kedua adalah keupayaan untuk menilai dengan menggunakan akal, kritis dan memilih idea terbaik.

- Metakognitif (Blakey dan Spence, 1990) – Memikirkan tentang berfikir dianggap sebagai metakognitif, satu unsur yang penting bagi kedua-dua pemikiran kritikal dan kreatif. Para pelajar yang sedar tentang apa dan bagaimana mereka berfikir dapat memperbaiki pemikiran mereka. Satu contoh daripada pendekatan ini ialah dengan meminta pelajar membaca semula dan menganalisa fikiran mereka yang telah dirakamkan dalam jurnal.
- Model-model mental (Glynn, 1997) – Model-model mental adalah kerangka untuk membina kefahaman baru (menyokong teori-teori Piaget dan Vygotsky). Pelajar melihat konsep melalui perwakilan mental yang membantu mereka untuk faham. Model-model mental menekankan kepentingan pengetahuan terdahulu, kerana pengetahuan terdahulu tersimpan dalam model mental dan pembelajaran baru dibina atas model-model itu.

Peralatan untuk menggalakkan pembelajaran (McGregor, 1999). Terdapat beberapa teknik untuk menggalakkan pembelajaran, termasuk:

Melatih. Ia adalah bimbingan (sokongan, memudahkan) kepada pelajar atau para pelajar melalui satu tugas atau aliran pemikiran yang merupakan teknik yang berguna untuk para guru/fakulti. Ianya bertentangan dengan arahan.

Menyoal. Satu alat yang berharga untuk mengakses pengetahuan dahulu atau melanjutkan pemikiran. Ia bertujuan untuk menggalakkan pemikiran tercapah, di peringkat lebih tinggi dan kritis.

Rajah 10: Elemen Pembelajaran



Rujukan

Bandura, A. (1998) *Personality Theories*. Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web: <http://www.ship.edu/~cgboeree/bandura.html>

Biggs, J. B., (1999). *Teaching for Quality Learning at University: What the Student Does*. Buckingham: Society for Research into Higher Education/Open University Press.

Blakey, E. and Spence, S. (1990, May-June). Thinking for the Future. *Emergency Librarian*, No. 18, pp. 11-14
Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: Classification of Educational Goals. Handbook 1: Cognitive Domain*. New York: Longman, Green and Co.

Bruner, J. (1962). *On Knowing: Essays for the Left Hand*. Cambridge: Belknap Press.

Cave, C. (1996). *The Creativity Web*. Didapatkan semula November 5, 1998, dari laman web: <http://www.ozemail.com.au/~caveman/Creative/>

Dewey, J. (1967). *La Concepción democrática en educación*. Democracia y Educación. Ed. Losada.

Educational Technology and Information Literacy: Planning to Make a Difference in How we Teach and Learn (2004). Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web the Colorado Department of Education di: http://www.cde.state.co.us/cdelib/etil/et_planning-workshops.htm

Ennis, R. (1985). *Goals for a Critical Thinking Curriculum*. Di dalam A. L. Costa (Ed.), *Developing Minds: A Resource Book for Teaching Thinking*. Alexandria: Association for Supervision and Curriculum Development.

Gardner, H. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.

Grassian, E and Kaplowitz, J. (2001). *Information Literacy Instruction: Theory and Practice*. New York: Neal-Schuman.

Glynn, S. (1997, January). Drawing Mental Models. *Science Teacher*, Vol. 61, pp. 30-32.

Information Literacy: Learning How to Learn (2004). Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web The University of Rhode Island di: http://www.ri.net/RITTI_Fellows/Barton/infolit.html

Information Power: Building Partnerships for Learning: Learning and Teaching Principles of School Library Media Programs (2004). Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web American Association of School Librarians di: <http://www.ala.org/ala/aasl/aaslproftools/informationpower/ipllearningteaching.htm>

Learning Theories (2004). Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web: Emerging Technologies http://www.emtech.net/learning_theories.htm#Skinner1

McGregor, J. H. (1999). How do we learn. Di dalam B. K. Stripling, *Learning and Libraries in an Information Age*. Principles and Practice. Littleton: Libraries Unlimited

Pavlov, I. P. (1999, May). *Condicionamiento Clásico*. Didapatkan semula Oktober 2004, dari laman web: <http://fates.cns.muskingum.edu/~psych/psycweb/history/pavlov.htm>

Piaget, J. (2005). *Psicología de la inteligencia*. Didapatkan semula dari laman web: <http://www.geocities.com/Athens/Ithaca/8100/maga2.htm>

Skinner, B. F. (1986). *Ciencia y conducta humana*. Barcelona: Martínez Roca.


Slavin, R. E. (1995). *Cooperative Learning Among Students: Theory, Research, and Implications for Active Learning*. Center for Research on the Education of Student, Johns Hopkins University.

Squires, G. (1994). *A New Model of Teaching and Training*. Hull: University of Hull.

Tarpy, R. M. (1999). *Aprendizaje: Teoría e Investigación Contemporánea*. Madrid: McGraw-Hill.

Teacher Tips, Tools, and Tutorials: Information Literacy Skills Used in BCPS Research Lessons (2004). Didapatkan semula Julai 28, 2004, dari laman web Baltimore County Public Schools di: <http://www.bcps.org/offices/lis/models/tips/>

Wittrock, M. C. (1986). *Students' Thought Processes*. New York: Macmillan.



Bab 9

Penilaian Pembelajaran

